

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE  
[ KOTA TINGGI ]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE [ KOTA TINGGI ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bilakah Pelan Pembangunan Kampung Baru dapat dibentangkan yang mana sepatutnya ia dibentangkan sekitar bulan Julai 2019 yang lepas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua

Untuk makluman Yang Berhormat Kota Tinggi, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Perbadanan Pembangunan Kampong Bahru (PKB) telah menyediakan cadangan pelan pembangunan semula Kampong Bharu yang dikenali sebagai Pelan Konsep Kampong Bharu (*'Kampong Bharu Concept Plan'* - KBCP) 2019. Ia telah dipamerkan kepada pemilik, pewaris dan orang awam pada 21 September 2019 sempena Sesi *'Town Hall'* bersama pemilik dan pewaris tanah berdaftar Kampong Bharu.

Pelan konsep yang disediakan ini adalah selaras dengan hala tuju baru Kementerian supaya Kerajaan terlibat secara langsung dalam pembangunan semula Kampong Bharu. Pelan konsep ini dirancang

## SOALAN NO : 32

sebagai satu pakej pembangunan bagi memastikan penyediaan kemudahan awam dan infrastruktur yang lengkap serta menyeluruh bagi menampung keperluan masa hadapan disamping bagi memastikan pemeliharaan dan pemuliharaan warisan Melayu Kampong Bharu.

Pelan Konsep yang disediakan ini adalah selaras dengan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur (PBRKL) 2020 yang diwartakan yang menetapkan zon guna tanah Perdagangan Pusat Bandar Raya (*City Centre Commercial – CCC*) dengan nisbah plot 1 nisbah 10 (1:10). Pelan yang disediakan ini menfokuskan kepada kawasan '*Malay Agriculture Settlement*' (M.A.S), Kampong Bharu seluas 220 ekar. 153.46 ekar adalah tanah milik yang akan dibeli dan dibangunkan. Pelan konsep ini telah menetapkan 5 prinsip dengan asas utama iaitu pemilikan tanah Kampong Bharu kekal menjadi milik orang Melayu. Prinsip yang digariskan adalah seperti mana berikut :

- 1) Menyediakan 1 **pelan yang berdaya maju** serta mampu menarik minat pelabur, pembeli dan penyewa melibatkan diri dalam pembangunan semula Kampong Bharu;
- 2) Memastikan **penyediaan ruang-ruang awam mencukupi** seperti kawasan lapang, riadah dan kemudahan masyarakat dalam menampung keperluan penduduk di masa akan datang;
- 3) Memastikan **penyediaan jaringan infrastruktur dan memenuhi keperluan utiliti** yang mampu menampung pertambahan penduduk, pekerjaan, dan isipadu trafik yang lebih tinggi pada masa hadapan;
- 4) Memastikan **elemen warisan, seni bina, budaya dan cara hidup** orang Melayu terus **dipelihara** dan **dipulihara** melalui penyediaan Taman Warisan Melayu disamping penerapan elemen Senibina Melayu Islam dalam pembangunan semula yang akan dilaksanakan; dan

## SOALAN NO : 32

- 5) Memastikan **lebih ramai** orang Melayu akan berpeluang memiliki hartanah dan menjalankan perniagaan di Pusat Bandar Raya melalui penyediaan lebih banyak unit kediaman dan ruang komersial.

Tuan Yang Di Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Pelan konsep ini juga telah menetapkan sasaran pembinaan sejumlah 45,000 unit kediaman dari pelbagai jenis berbanding 4,500 unit kediaman pada masa kini. Sejumlah **50%** daripada jumlah tersebut telah ditetapkan bagi tujuan '**Kediaman Mampu Milik**'.

Selain itu juga, dianggarkan sebanyak 9 juta kaki persegi ruang lantai perniagaan akan disediakan berbanding 1 juta kaki persegi ruang perniagaan pada masa kini dan sebahagian telah diperuntukkan untuk '**Komersial Mampu Milik**'.

Pelan konsep yang disediakan ini akan diperincikan setelah mendapat pandangan serta persetujuan pemilik dan pewaris tanah berhubung tawaran dan pilihan bentuk pulangan yang dikemukakan pihak Kerajaan. Satu pelan pembangunan terperinci seterusnya akan disediakan dan dipamerkan kepada awam untuk mendapatkan pandangan sebelum pembangunan semula Kampong Bharu dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.